

# POLARINE SYRUP

Dexchlorpheniramine maleate/Pseudoephedrine hydrochloride (2mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Polarine Syrup
2. Bagaimana Polarine Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Polarine Syrup
4. Cara menggunakan Polarine Syrup
5. Semasa menggunakan Polarine Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Polarine Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Polarine Syrup

Ia digunakan untuk kesesakan hidung dan bahagian atas saluran pernafasan, selesema biasa, sinusitis akut (radang sinus) dan rintis alergi (radang membran mukus dalam hidung).

## Bagaimana Polarine Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat itu adalah dexchlorpheniramine maleate dan Pseudoephedrine hydrochloride. Dexchlorpheniramine maleate adalah antihistamina dengan ciri-ciri antikolinergik. Ia berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan dalam badan anda semasa reaksi alergi. Dengan menyekat satu lagi bahan semula jadi yang dihasilkan oleh badan anda (*acetylcholine*), ia membantu melegakan gejala-gejala seperti mata dan hidung berair.

Pseudoephedrine bertindak secara tidak langsung sebagai agen simpatomimetik dengan merangsang saraf simpatetik (adrenergik) untuk mengeluarkan norepinephrine. Pseudoephedrine tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai nasal dekongestan. Ia berfungsi dengan mengelunkan saluran darah di dalam hidung untuk mengurangkan bengkak dan kesesakan.

## Sebelum menggunakan Polarine Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Polarine Syrup jika anda:

- Hipersensitif terhadap mana-mana bahan-bahan kandungan yang disenaraikan di akhir risalah ini
- Mempunyai masalah pernafasan
- Tekanan darah tinggi

### Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau fikir anda mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau anda

sedang menyusukan bayi.

### Warga tua

Antihistamina boleh menyebabkan pening, sedasi dan tekanan darah rendah pada warga tua melebihi 60 tahun.

### - Sebelum mula menggunakan

Maklumkan kepada doktor anda sebelum menggunakan Polarine Syrup jika anda mempunyai mana-mana masalah seperti berikut:

- tekanan darah tinggi
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- kencing manis
- penyakit kardiovaskular (penyakit jantung atau saluran darah)
- *narrow angle glaucoma* (peningkatan tekanan dalam mata)
- *stenosing ulcer peptik* (kebengkakan disebabkan oleh ulcer mengakibatkan penyempitan di duodenum)
- *pyloroduodenal obstruction* (obstruksi aliran keluar gastrik)
- pembesaran prostat
- halangan di leher pundi kencing

Polarine Syrup tidak disyorkan untuk kanak-kanak bawah 2 tahun. Ia perlu digunakan dengan berhati-hati dan atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubat-ubatan yang mungkin berinteraksi dengan Polarine Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil mana-mana yang berikut:-

- Ubat depresi sistem saraf pusat (CNS) seperti hipnotik, sedatif dan tranquilizer
- Alkohol
- Monoamine Oxidase Inhibitor (MAOI) untuk kemurungan
- Methyldopa, Mecamylamine, Reserpine dan Veratrum Alkaloids untuk tekanan darah tinggi

## Cara menggunakan Polarine Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Polarine Syrup tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Kuantiti yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda telah tetapkan

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: Separuh sudu teh, setiap 6 jam 3 kali sehari.

Dewasa: Satu sudu teh, setiap 6 jam 3 kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ikat arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos mungkin termasuk mulut kering, anak mata mengembang secara kekal, kemerahan dan gejala-gejala gastrousus.

## Semasa menggunakan Polarine Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Polarine Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Polarine Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Polarine Syrup terhadap anda.

**Kesan-kesan Sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Polarine Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas mengambil Polarine Syrup yang membimbangkan anda seperti :-

Secara Am:- Urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit), ruam disebabkan oleh ubat, kejutan anafilaktik (reaksi alergi teruk dan membahayakan nyawa) dan fotosensitiviti (sensitiviti yang luar biasa kepada cahaya matahari), peluh berlebihan, dingin, kekeringan mulut, hidung dan tekak.

Sistem kardiovaskular: - Tekanan darah rendah, sakit kepala, denyutan jantung yang tidak teratur, kadar degupan jantung yang cepat dan ekstrasistole (denyutan jantung yang tidak bergantung pada rentak normal).

Sistem hematologi: - Penghancuran sel darah merah, paras platelet dan sel darah merah yang rendah.

Sistem saraf:- Sedatif, mengantuk, pening, gangguan koordinasi, keletihan, kekeliruan, keresahan, gementar, keterujaan, gegaran, cepat marah, insomnia, keriangan yang abnormal, parestesia (rasa cucukan atau kebas), penglihatan kabur dan berganda, vertigo (pening), *tinnitus* (bunyi bordering dalam telinga), labirintitis akut (radang pada telinga), hysteria, neuritis (radang pada saraf), sawan, depresi sistem saraf pusat, halusinasi.

Sistem gastrousus:- Sakit epigastrik, tiada selera makan, loya, muntah-muntah, cirit-birit, sembelit.

Sistem urinari:- peningkatan kekerapan kencing, kesukaran untuk kencing, pengekalan kencing.

Sistem pernafasan:- penebalan rembesan bronkial, sesak dada, berdehit, kesesakan hidung.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→ Reporting* ).

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)230915/00323

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
Polarine Syrup****- Penyimpanan**

Simpan pada dan atau dibawah 25°C.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut****Rupa dan warna produk**

Sirap jernih, berwarna perang tua dengan perisa plum

**Bahan-bahan kandungan****- Bahan aktif**

- Dexchlorpheniramine Maleate
- Pseudoephedrine Hydrochloride

**- Bahan tidak aktif**

- Glycerin
- Liquid caramel
- Plum flavour
- Deionised water
- Syrup simplex

**Nombor MAL**

MAL19871399A

**Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

02/10/2015